

THE APPLICATION OF COMMUNAL VALUES IN THE FORMATION OF CHILDREN'S MORALITY IN MOSQUES FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

PENERAPAN NILAI KEBERSAMAAN DALAM PEMBENTUKAN AKHLAK KANAK-KANAK DI MASJID BERDASARKAN PERSPEKTIF ISLAM

Mohd Ridhuwan Remlyⁱ, Siti Nor Azimah Sabaruddinⁱⁱ & Fadlan Mohd Othmanⁱⁱⁱ

ⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Akademi Pengajian Islam Kontemporari, University Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor, ridhuwan@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan (PhD), Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Pusat Asasi, Universiti Tekno;ogi Mara Kampus Dengkil, Selangor

ⁱⁱⁱ Pensyarah Universiti, Pusat Kajian Al-Quran & Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia. Ukm Bangi. fadlan@ukm.edu.my

Article Progress

Received: 6 June 2025

Revised: 1 July 2025

Accepted: 12 July 2025

Abstract	<i>The mosque is an open space for the Muslim community, welcoming everyone, especially for worship and fostering its vitality. Islam provides a broad opportunity for people of all ages to perform acts of worship in the mosque. However, in recent times, the presence of children in mosques has sometimes been unwelcome by some congregants and mosque committee members. More distressingly, innocent children are often scolded or even expelled from the mosque, particularly from the prayer hall. This negatively impacts their educational and moral development. Their presence is not appropriately appreciated by the general public. This article aims to elaborate on the roles that guardians and mosque committee members should play in fostering a positive developmental environment for children, particularly within the mosque setting. This study employs a qualitative approach using content analysis. The findings indicate that mutual understanding among congregants, guardians, and mosque committees is crucial in nurturing children's moral values in mosques. Additionally, religious knowledge and a proper understanding of the mosque's role are essential in welcoming children into the mosque environment.</i> Keywords: <i>Attitude, Communal Values, Nurturing, Morality, Children, Mosque</i>
Abstrak	<i>Masjid merupakan tempat terbuka bagi masyarakat umat Islam. Tiada halangan bagi sesiapa sahaja untuk datang ke masjid terutama untuk melakukan ibadah atau mengimarahkan. Agama Islam membuka ruang seluas-luasnya tanpa mengira usia bagi sesiapa sahaja untuk melakukan ibadah di masjid. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini kehadiran kanak-kanak ke masjid kadangkala tidak disenangi oleh sebahagian jemaah dan juga oleh ahli jawatankuasa masjid. Apa yang lebih menyedihkan lagi, kanak-kanak yang tidak bersalah ini dihalau dan dimarahi apabila berada di masjid lebih-lebih lagi di dalam dewan solat. Ini memberi kesan negatif terhadap perkembangan pendidikan kanak-kanak itu sendiri. Kehadiran mereka tidak diraikan dengan sepatutnya oleh orang kebanyakan. Artikel ini bertujuan memperincikan peranan yang perlu diambil oleh para penjaga dan ahli jawatankuasa masjid dalam merangsang pertumbuhan positif bagi kanak-</i>

	<i>kanak terutama ketika berada di masjid. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan persefahaman antara para jemaah, penjaga dan ahli jawatankuasa amat penting dalam menyantuni akhlak kanak-kanak di masjid. Selain itu, kefahaman ilmu agama dan memahami konsep masjid menjadi perkara penting dalam meraikan kehadiran kanak-kanak di masjid.</i> Kata kunci: Sikap, Kebersamaan, Menyantuni, Akhlak, Kanak-Kanak, Masjid
--	--

PENGENALAN

Masjid merupakan sebuah institusi agung umat Islam. Kewujudan sesebuah masjid melambangnya wujudnya umat Islam di sesuatu tempat. Ianya melambangkan syiar kepada masyarakat Islam. Masjid bukan sekadar dimakmurkan sebagai tempat ibadah semata-mata, tetapi masjid berperanan besar dalam membentuk akhlak dan jati diri ummah. Dalam aspek pendidikan, Institusi masjid merupakan sekolah yang mampu melahirkan modal insan yang berkualiti menerusi siri-siri pengajian dan aktiviti-aktiviti pengimarahannya yang dianjurkan oleh pihak pengurusan masjid.

Institusi masjid berperanan sebagai sebuah institusi terbuka untuk semua lapisan masyarakat, ia bukan sahaja dikhususkan kepada golongan yang mukalaf sahaja, tetapi golongan kanak-kanak mempunyai hak untuk berada di masjid bersama-sama melakukan ibadah. Namun pada hari ini, terdapat sebilangan kecil ahli jemaah dan juga pihak ahli jawatankuasa masjid kurang senang dengan kehadiran kanak-kanak di masjid. Kehadiran mereka ke masjid menjadi masalah yang besar bagi sesetengah jemaah masjid dan ahli jawatankuasa masjid. Kehadiran mereka ke masjid di pandang serong bahkan diberi layanan yang tidak baik seolah-olah kehadiran mereka menyusahkan dan mengganggu ibadah orang lain di masjid.

Fenomena seperti ini menjadi satu kebiasaan dalam masyarakat yang kurang kefahaman tentang konsep menyantuni kanak-kanak yang berada di masjid. Kertas kerja ini memberi penekanan kepada pendidikan dan cara menyantuni kanak-kanak apabila berada di kawasan masjid lebih-lebih lagi apabila kanak-kanak berada di ruang solat. Fokus kajian ini tertumpu kepada peranan yang perlu dimainkan oleh ibu bapa, penjaga dan pihak pengurusan serta ahli jawatankuasa masjid dalam melayani karenah kanak-kanak apabila berada di masjid berdasarkan syariat Islam. Diharapkan jika masyarakat bersedia menghidupkan peranan masjid dalam aspek tarbiyah kanak-kanak dan remaja, maka umat Islam akan mendapat aset generasi masa depan yang lebih baik dan berkualiti.

PENYATAAN MASALAH

Masjid merupakan institusi penting dalam pembentukan sahsiah dan akhlak masyarakat Islam, termasuk kanak-kanak. Islam menekankan nilai kebersamaan dalam mendidik generasi muda agar mereka dapat membentuk peribadi yang berakhlak mulia sejak usia kecil (Al-Qaradawi, 1999). Namun, dalam realiti semasa, kehadiran kanak-kanak di masjid sering menjadi isu perdebatan. Sesetengah jemaah dan ahli jawatankuasa masjid tidak meraikan kehadiran mereka dengan baik, malah ada yang melarang mereka daripada berada di ruang solat atas alasan mengganggu ketenteraman ibadah (Zaki Zainuddin et al. 2024).

Menurut Safinah Ismail (2019), sebahagian pihak melarang kehadiran mereka atas alasan berpotensi mencemarkan masjid dan mengganggu ketenteraman jemaah, manakala pendapat lain mengharuskan kehadiran kanak-kanak mumayyiz dengan syarat mereka tidak menimbulkan gangguan. Perbezaan ini menimbulkan dilema dalam kalangan ibu bapa dan pihak masjid dalam menentukan pendekatan terbaik untuk mendidik anak-anak mencintai masjid tanpa menjejaskan kesucian dan ketenteraman institusi tersebut.

Kedadaan ini menimbulkan dilema dalam kalangan ibu bapa dan penjaga yang berusaha membiasakan anak-anak mereka dengan suasana masjid tetapi menghadapi cabaran dalam memastikan mereka diterima oleh komuniti masjid (Ahmad, 2020). Jika

keadaan ini berterusan, ia boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan akhlak dan keterikatan kanak-kanak dengan institusi masjid pada masa hadapan. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa pengalaman awal kanak-kanak dengan masjid dapat mempengaruhi sikap mereka terhadap Islam apabila dewasa (Mukhlis 2021).

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti bagaimana nilai kebersamaan dapat diterapkan dalam mendidik akhlak kanak-kanak di masjid berdasarkan perspektif Islam. Kajian ini juga akan menganalisis peranan para penjaga, jemaah, dan ahli jawatankuasa masjid dalam mewujudkan suasana yang mesra kanak-kanak selaras dengan prinsip syariah.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Dalam mewujudkan masjid sebagai pangkalan utama dalam penerapan nilai-nilai Islam kepada anak-anak, sudah pasti ibu bapa dan ahli jawatankuasa masjid perlu saling berkerjasama dan memahami isu ini secara bersama. Kedua-dua pihak perlu memahami perkembangan, perwatakan dan kelakuan kanak-kanak secara asas terutama dalam memahami peringkat-peringkat perkembangan anak-anak, memahami psikologi kanak-kanak. Hal ini penting kerana ianya dapat membantu merangsang pertumbuhan anak-anak melalui persekitaran luar yang sihat dari segi rohani dan jasmani.

TANGGUNGJAWAB IBUBAPA SEBELUM DAN SEMASA MEMBAWA ANAK KE MASJID

Menurut Noorsaidah et al. (2023) anak-anak adalah anugerah dan amanah daripada Allah SWT yang perlu dididik dengan sebaiknya. Fungsi dan peranan anak-anak kepada kedua ibubapa sangat besar bermula daripada lahir dan berterusan sehingga hari kiamat. Oleh itu untuk mendapat manfaat kebaikan daripada anak-anak, maka peranan ibu bapa perlu mendidik anak-anak sesuai dengan aturan dan ajaran Islam yang sempurna.

Menurut Abdullah Nasih Ulwan (2011) tanggungjawab utama ibu bapa terhadap anak-anak setelah mencapai tahap *mumayyiz* ialah menerapkan prinsip tauhid dan pendidikan keimanan kepada Allah SWT. Ini bertepatan dengan nasihat Luqman al-Hakim kepada anak yang dirakamkan dalam al-Quran:

﴿يٰٓبُنَيَّ اَقِمِ الصَّلٰوةَ وَامُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ عَلٰى مَا اَصَابَكَ ۚ اِنَّ ذٰلِكَ مِنْ عَزَمِ الْاُمُورِ﴾

Maksud, “Wahai anak kesayanganku, dirikanlah sembahyang dan suruhlah berbuat kebaikan, serta laranglah daripada melakukan perbuatan yang mungkar dan bersabarlah atas segala bala bencana yang menimpamu. Sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat melakukannya” (Al-Quran. Surah Luqman: 31:17).

Abdullah Nasih Ulwan (2004) mengatakan bahawa ibu bapa perlu sentiasa memberi bimbingan berterusan kepada anak-anak mereka secara berhikmah anak-anak patuh kepada ajaran Islam, belajar menghormati ibu bapa, belajar menghormati orang dewasa serta mengajar adab-adab yang baik kepada anak-anak. Antara peranan yang perlu diberi penekanan oleh ibu bapa sebelum dan semasa membawa anak-anak ke masjid ialah:

a. Memberi Pelajaran Asas Ibadah di Rumah

Menurut Nurul Akhma et al. (2015) peringkat kanak-kanak bermula sejak lahir sehingga berumur lima tahun. Pada peringkat ini ibu bapa perlu banyak bercakap dengan anak-anak dengan banyak serta menekankan pendidikan rohani dan jasmani sebelum berhadapan dengan suasana luar. Menurut Talhah dan Jimaain (2019) asas pendidikan Islam semenjak kecil amat penting bagi pembentukan sahsiah, peribadi dan personaliti manusia bertepatan dengan pendidikan yang diasaskan oleh Rasulullah SAW. Pengabaian pendidikan pada waktu ini akan menyebabkan kanak-kanak tersebut cenderung untuk melakukan perkara-perkara yang buruk, belajar berbohong dan tidak menghormati orang tua.

Oleh sebab itu, sebelum membawa anak-anak kepada persekitaran luar terutama masjid, ibu bapa perlu mendidik, mengajar dan sentiasa menasihati dan melatih anak-anak supaya mengikuti segala pergerakan imam dari awal *takbiratulihram* sehingga selesai solat. Bimbingan secara berterusan sangat penting kepada anak-anak supaya mereka sehati dengan apa yang diajar. Selain itu juga, ibu bapa perlu mengajar setiap bacaan-bacaan dalam solat kepada anak-anak supaya mereka lebih peka terhadap pergerakan-pergerakan dalam solat berserta bacaan-bacaan yang perlu dibaca.

b. Memberi Pendidikan Psikologi

Menurut Sakinah dan Alwi (2021) pendidikan psikologi adalah salah satu bentuk Pendidikan yang perlu diambil berat oleh ibu bapa. Tujuan Pendidikan psikologi diperkenalkan kepada anak-anak adalah untuk membentuk sikap positif, berdisiplin, mempunyai kesedaran, kesefahaman, berkeyakinan diri serta bersahsiah mulia.

Menurut Siti Nurjannah et al. (2019) Pendidikan psikologi adalah proses mendidik anak bermula usia tamyiznya supaya bersifat berani, selalu berkata benar, berkeyakinan, tidak pengecut, suka berbuat baik kepada orang lain, dapat menahan diri dari marah, melengkapkan diri mereka dengan semua sifat-sifat mulia.

Begitu halnya dalam persekitaran masjid, ibu bapa perlu mengajar dan membimbing anak-anak dengan sikap dan sifat ini supaya anak-anak memiliki keberanian dan dalam masa yang sama mempunyai akhlak yang baik ketika berada dalam persekitaran masjid.

c. Memberi Pendidikan Kemahiran Sosial

Menurut Hasnida (2015) peringkat kanak-kanak merupakan peringkat yang paling berkesan dalam menerapkan nilai-nilai kemahiran sosial kerana pada peringkat ini kebolehan kanak-kanak menjalin persahabatan, belajar bekerjasama, saling membantu, bersabar, empati, mendengar dan menerima arahan dengan baik, melibatkan diri bersama rakan, komunikasi positif dan mendengar dan mengikut arahan yang disampaikan. Secara tidak langsung mendorong seseorang kanak-kanak dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran sekeliling.

Menurut Ramlah (2013) pula, faedah mendedahkan kemahiran sosial kepada anak-anak ini ialah kanak-kanak berpeluang berinteraksi dengan persekitaran dan berpeluang memahami dunia sebenar. Tambahan lagi apabila kanak-kanak melalui pengalaman sosial dan emosi yang sihat, mereka mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran baharu sama ada persekitaran berunsurkan pendidikan sama ada sekolah dan juga masjid.

Menurut 'Abdullah Nâsih 'Ulwân (1984) Pendidikan sosial kepada anak-anak dengan melazinkan diri dengan melazimkan diri dengan adab yang mulia dalam masyarakat sejak kecil. Pendidikan ini dimulai dengan usul kerohanian yang tinggi dan berasaskan akidah Islamiah yang teguh. Perasaan keimanan yang mendalam dalam diri anak-anak dapat menzahirkan budi pekerti yang tinggi, adab dan sopan-santun, bertimbang rasa, mempunyai pemikiran yang matang disertai perlakuan yang baik apabila berada dalam masyarakat.

d. Pemerhatian dan Pengawasan

Menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2017) kanak-kanak merupakan asset penting negara dalam penyambung nadi perkembangan negara pada masa hadapan. Hal ini menyebabkan kerajaan telah mengambil pelbagai inisiatif dalam menjamin kesejahteraan dan kepentingan terbaik kanak-kanak. Perlindungan kanak-kanak merupakan satu strategi yang dilaksanakan bagi mencegah salah satunya ialah kes pengabaian kanak-kanak.

Menurut Nurul Izzah et al. (2019) setiap perlindungan dan pengawasan kepada kanak-kanak ini menunjukkan bahawa Islam sangat prihatin dalam menjaga kebajikan kanak-kanak untuk kesejahteraan kehidupan mereka. Perlindungan dan pengawasan kepada anak-anak ini perlu dilakukan setiap masa bermula dari kecil sehingga mereka mencapai umur yang sesuai untuk berdikari sendiri. Sesetengah ibu bapa atau penjaga merasakan kanak-kanak yang berumur enam tahun ke atas sudah tahu berdikari dan layak

untuk ditinggalkan bersendirian tanpa pengawasan. Hakikatnya, Islam telah menetapkan kewajipan penjagaan kanak-kanak sebelum berumur 21 tahun sehingga mereka tahu untuk menguruskan diri sendiri dan mentadbir harta.

Begitu juga dengan situasi membawa anak ke masjid, pengawalan dan pengawasan yang berpanjangan perlu dititik beratkan kepada ibu bapa yang membawa anak-anak ke masjid. Ibu bapa sudah pasti mengenali perangai dan tinggah laku anak-anak apabila berada ditempat awam. Tingkahlaku anak-anak sama ada mudah dikawal atau sebaliknya apabila berada di tempat awam sudah difahami oleh ibu bapa. Jika anak-anak menunjukkan tingkah laku yang baik dan mudah dikawal, maka bawa dan ajarlah anak solat di saf hadapan bersama jemaah dewasa dan jika anak susah dikawal, maka ibu bapa perlu solat di saf yang lebih belakang sedikit bersama anak-anak. Ini boleh mengurangkan gangguan disamping ibu-bapa dapat mengawal dan menegur anak-anak jika melakukan perkara yang mengganggu jemaah lain melakukan ibadah.

Namun jika anak-anak terlalu aktif sehingga pada tahap mengganggu jemaah lain melakukan ibadah di masjid, maka pendekatan terbaik adalah tidak membawa anak-anak ke masjid sehingga mereka dapat memahami dengan sebaiknya tatacara dan tinggahlaku apabila berada di masjid. Kenakalan anak-anak bukan satu penghalang untuk menafikan hak mereka terhadap masjid. Didikan berterusan dan berpanjangan harus diberikan kepada anak-anak supaya mereka tidak ketinggalan untuk merasakan suasana ibadah bersama orang dewasa yang lain di masjid. Ini kerana menurut Child Coalition Malaysia (2013) kanak-kanak mempunyai hak untuk bersama-sama dalam persekitaran yang kondusif serta mereka mempunyai hak untuk perkembangan dan penyertaan dalam proses pendidikan. Jika hak-hak ini tidak dipenuhi maka berlakulah bentuk-bentuk pengabaian sehingga menyebabkan hak dan keadilan kanak-kanak tidak terbelah.

PERANAN AHLI JAWATANKUASA MASJID TERHADAP KANAK-KANAK.

Menurut Mohd Ridhuan et al. (2020) dalam usaha membangunkan urus tadbir masjid dengan berkesan, pihak pengurusan dan pengurusan masjid hendaklah mengambil kira nilai kemanusiaan dan kemasyarakatan secara menyeluruh dan memandu manusia dalam ikatan ukhuwah yang erat. Antaranya mengutamakan keikhlasan dalam apa jua keadaan, bekerja dengan sifat kejujuran tanpa mengharapkan balasan serta pujian orang lain, sentiasa bersifat adil dalam menetapkan sesuatu keputusan dengan bertujuan untuk mencapai matlamat organisasi masjid, mamaksimumkan produktiviti, mengutamakan kualiti dan keuntungan sumua pihak.

Masjid adalah sebuah institusi terbuka yang bebas dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat. Oleh itu kepimpinan institusi masjid perlu kreatif dalam membina persefahaman antara jemaah masjid. Semua yang hadir ke masjid perlu dilayan dengan sebaiknya lebih-lebih lagi apabila kanak-kanak menjadi tetamu masjid, ianya perlu disantuni dengan mesra. Menyantuni kanak-kanak di masjid perlu diperluaskan konsepnya. Ianya bukan sahaja ditumpukan kepada hubungan komunikasi sahaja malah penyediaan fasiliti dan perkhidmatan khusus kepada kanak-kanak. Oleh sebab itu, AJK masjid memainkan penting dalam membentuk suasana yang mesra kepada kanak-kanak apabila mereka menjadi tetamu di masjid. Antara peranan AJK masjid terhadap kanak-kanak ialah seperti berikut:

a. Mempamerkan Komunikasi yang Baik

Masjid adalah sebuah institusi umum yang sering dikunjungi oleh semua lapisan masyarakat. Setiap jemaah yang hadir ke masjid dianggap sebagai pelanggan yang perlu disantuni dengan sebaiknya. AJK masjid pula merupakan individu yang bertanggungjawab dalam menyantuni setiap pelanggan yang hadir. Oleh itu selaku AJK masjid yang bertanggungjawab perlu mempamerkan akhlak yang baik kepada setiap jemaah yang datang ke masjid.

Setiap AJK masjid adalah *role model* dalam sesebuah masjid dan masyarakat. Setiap gerak-geri, tutur- kata, cara komunikasi perlu berlandaskan akal yang matang dan setiasa berlapang dalam dalam setiap tindakan yang dilakukan. Kepimpinan yang berteraskan nilai akhlak yang baik mampu mempengaruhi masyarakat sekeliling ke arah kebaikan.

Rasulullah SAW telah menunjukkan kepada kita contoh akhlak yang terbaik melalui kisah seorang badwi yang membuang air kecil di dalam masjid. Rasulullah SAW menegur dengan sopan dengan mengatakan, *"masjid ini bukan untuk membuang air kecil tetapi ia dibina untuk mengingati Allah dan beribadat"*.

Menurut Ibn Hajar (1959) Rasulullah SAW menggunakan komunikasi yang sangat lembut ketika memberi pelajaran, nasihat dan peringatan kepada Badwi tersebut. Begitu juga dalam menyantuni kanak-kanak di masjid, ianya memerlukan kepada teknik teguran, nasihat dan menggunakan gaya komunikasi yang baik. Jika dihalau, diherdik dan dimarahi kanak-kanak yang membuat kesalahan di masjid, sudah pasti perasaan takut dan trauma yang memberi kesan berpanjangan kepada kanak-kanak tersebut. Risikonya ialah berkemungkinan besar mereka sudah tidak lagi datang ke masjid kerana dibayangi oleh perasaan takut. Sebab itulah Rasulullah SAW tidak memarahi lelaki Badwi kerana risikonya amat besar berbanding kotoran yang dibuang di masjid. Pendekatan nasihat dan teguran dengan lemah lembut adalah pendekatan yang terbaik untuk kebaikan akan datang.

b. Mempamerkan Sikap Kasih Sayang dan Mesra

Sikap kasih sayang dan kemesraan merupakan sifat semula jadi manusia yang perlu dipupuk dalam setiap diri manusia. Seseorang individu yang mempamerkan sikap kasih sayang dan kemesraan adalah individu yang berjaya mengendalikan hubungan dengan penuh tanggungjawab sehingga mencapai tahap kebahagiaan kepada dirinya serta orang disekelilingnya (Nor Aini & Faridah 2022).

Pada asasnya mencurahkan kasih sayang dan kemesraan ini bermula dari pembinaan sesebuah keluarga kemudiannya diperluaskan dalam kehidupan bermasyarakat. Melalui sikap kasih sayang ini maka akan lahir perasaan ingin mengambil berat, memberi perhatian, saling tolong-menolong, bertolak ansur dan menjaga kebajikan adalah antara ciri-ciri penting untuk melahirkan masyarakat dan yang harmoni. Sikap kasih sayang ini merupakan amalan harian Rasulullah SAW sepanjang kehidupannya dan menjadi penyebab utama penerimaan dakwah Islam sebagaimana dinyatakan di dalam hadis Ibn Abbas r.a., maksudnya, Rasulullah SAW bersabda: *"Bukanlah termasuk golongan kami orang yang tidak menyayangi yang lebih muda dan tidak mengasihi orang yang lebih tua dan menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran"*.

Hadis ini menggambarkan layanan Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak dan orang dewasa adalah sama tanpa wujudnya jurang antara mereka. Dengan ini, secara tidak langsung dapat menanam rasa kasih sayang kepada kanak-kanak. Mempamerkan sikap kasih sayang dan kemesraan dengan kanak-kanak sangat penting dalam proses pendidikan. Dengan berbuat demikian, kanak-kanak akan mudah diajak berbicara bersama-sama.

Oleh itu, kehadiran kanak-kanak ke masjid perlu disambut dengan penuh keceriaan, kasih sayang dan kecintaan. Mereka akan merasai diri mereka sangat dihargai dan disayangi. Dengan yang demikian hati mereka mudah terikat dan terpaut dengan suasana baharu yang sangat memberi inspirasi dan semangat mereka. Kanak-kanak yang dididik dalam suasana sebegini didalam masjid sudah pasti memberi kesan positif terhadap perkembangan mereka. Dengan suasana yang sebegini maka kesannya sangat besar kepada generasi umat Islam.

c. Tidak Mendiskriminasikan Kanak-Kanak

Kanak-kanak adalah insan yang perlu diraikan, hal ini dapat dilihat kesungguhan dunia dalam menjaga hak kanak-kanak sehingga ditubuhkan Hari Kanak-Kanak Sedunia yang

disambutan secara tahunan oleh UNICEF. Tujuan penubuhan “Hari Kanak-Kanak Sedunia” adalah supaya suara hati kanak-kanak dapat didengarkan. Begitu juga dengan Dasar Kanak-kanak Negara iaitu satu dasar mengenai hak kelangsungan hidup, perlindungan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak agar dapat menikmati peluang dan ruang untuk mencapai perkembangan holistik dalam persekitaran yang kondusif (Azhar Ilyas et al., 2018).

Dalam Islam, Rasulullah SAW adalah model terbaik dalam menjaga kebajikan kanak-kanak. Banyak riwayat yang menceritakan tentang keadilan Rasulullah SAW terhadap kanak-kanak walaupun di dalam masjid. Rasulullah SAW tidak pernah menggagap kanak-kanak itu sebagai satu beban yang besar ketika melakukan ibadah solat. Dalam situasi di dalam masjid, terdapat beberapa bentuk diskriminasi yang amat ketara terhadap kanak-kanak. Antaranya adalah:

- **Kanak-kanak dianggap tidak bersih dan membawa kekotoran.**

Masyarakat kita sering memandang serong kepada anak-anak kecil yang belum berkhitan apabila berada di dewan solat masjid. Mereka dianggap sedang menanggung najis dan boleh membatalkan solat orang yang tersentuh dengannya apabila solat dalam saf yang sama. Ada yang mendakwa boleh memutuskan saf solat jamaah apabila berada didalam saf orang dewasa. Ini merupakan satu bentuk salah faham berkaitan dengan kanak-kanak. Daripada Anas bin Malik katanya, *“Rasulullah SAW berdiri, seorang anak yatim berdiri bersama saya dan nenek di belakang kami. Baginda bersembahyang mengimami kami sebanyak dua rakaat”*.

Baginda tidak mengasingkan mereka atas alasan umur atau kebersihan. Begitu juga, sahabat tidak melarang Ibn Abbas menyertai saf dewasa walaupun beliau masih kecil. Ini membuktikan bahawa amalan pada zaman Nabi SAW tidak memisahkan kanak-kanak daripada saf orang dewasa dalam solat berjemaah.

Terdapat juga hadis yang menerangkan Rasulullah SAW mendukung Umamah binti Zainab ketika sedang menunaikan solat. Maksudnya, *“Dari Abi Qatadah al-Ansari r.a. bahawa Rasulullah SAW menunaikan solat dalam keadaan membawa (mendukung) Umamah binti Zainab binti Rasulullah SAW apabila sujud, baginda SAW meletakkannya dan apabila bangun baginda SAW mendukungnya semula”*.

Hadis ini menunjukkan bahawa Rasulullah SAW pernah mendukung cucunya, Umamah binti Zainab, ketika menunaikan solat. Baginda meletakkannya ketika sujud dan mendukungnya semula ketika berdiri. Ini membuktikan bahawa kehadiran kanak-kanak dalam solat tidak menjejaskan kesahihan solat, malah menunjukkan kasih sayang dan toleransi baginda terhadap kanak-kanak.

- **Tidak meraikan kehadiran disaf awal.**

Seringkali kita mendapati di masjid-masjid membuat peraturan-peraturan yang kurang menyenangkan termasuk mengasingkan saf kanak-kanak di masjid. Terdapat juga sebahagian dari jemaah sengaja mengherat dan menolak keluar kanak-kanak yang berada di saf hadapan ketika mereka sedang solat. Hal ini menimbulkan rasa kurang selesa dalam kalangan ibu bapa yang membawa anak-anak dan juga kesan kepada kanak-kanak tersebut.

Memang terdapat sebuah hadis yang menyatakan golongan yang perlu diutamakan berada dibelakang imam sebagaimana sebuah hadis sahih menjelaskan siapakah yang harus berada di belakang Imam. Riwayat daripada Abdullah bin Mas'ud r.a, Nabi SAW bersabda, maksudnya, *“Jadikan di belakangku mereka dalam kalangan kamu yang alim dan matang”*.

Para ulama ketika menjelaskan hadis ini mengatakan bahawa orang yang alim dan matang adalah digalakkan datang awal ke masjid untuk berada di belakang imam. Walau bagaimanapun hadis ini tidak menunjukkan larangan kepada kanak-kanak untuk duduk di saf awal. Malah Imam al-Nawawi r.h juga menjelaskan bahawa: *“adalah digalakkan bagi seorang kanak-kanak berdiri di antara dua orang dewasa agar dia dapat mempelajari pergerakan solat dari mereka. Imam al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani menjelaskan:*

“Sesungguhnya Ibnu Abbas bersama-sama dengan jemaah bersolat jenazah semasa Nabi s.a.w melakukan Haji Wadaa' sedangkan beliau belum baligh”.

Daripada pandangan di atas ini, jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak dilarang berada di saf hadapan sebagaimana hadis Abdullah bin Umar r.a meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda, maksudnya, *"tidak boleh seorang lelaki menyuruh seorang lelaki yang lain berdiri dari tempat duduknya, kemudian dia pun duduk (menggantikannya) di tempatnya"*.

Hadis ini jelas kanak-kanak yang datang awal ke masjid dan duduk di saf yang awal perlulah dihargai perbuatan mereka. Mereka mempunyai hak untuk duduk dimana-mana ruang yang dibenarkan di dalam masjid dan tiada hadis sahih yang mengkhaskan kanak-kanak di belakang orang dewasa.

Kesimpulannya, berdasarkan hadis diatas jelas menunjukkan bahawa tiada larangan khusus yang melarang kanak-kanak berada didalam saf pertama bersama jemaah yang lain. Kanak-kanak yang sudah berada didalam saf pertama perlu diraikan kehadirannya kerana mereka telah berjaya datang awal ke masjid dan bersemangat untuk berada di saf hadapan. Kemungkinan bersama kanak-kanak tersebut ada penjaganya. Sudah pasti penjaganya telah mengajar adab-adab dan tingkah laku yang perlu dijaga semasa berada di masjid.

PENUTUP

Anak-anak merupakan amanah Allah yang perlu dididik dengan sebaiknya sejak ia kecil lagi supaya apabila besar kelak menjadi anak yang soleh dan sentiasa taat kepada kedua ibubapanya. Mereka ibarat kain putih dan ibubapa lah yang berperanan mencorak dan melukiskannya dengan warna-warna menarik yang menjadi amalan dan cara hidup Islam. Dalam melahirkan anak-anak yang solah dan cintakan masjid, tugas utama ibu bapa dan penjaga amat penting dalam memberi pendidikan kepada anak-anak. Memperkenalkan persekitaran luar yang kondusif kepada anak-anak melalui institusi masjid adalah cara terbaik dalam perkembangan minda anak-anak.

Di masjid perlbagai rencam pendidikan yang terbuka boleh dipelajari oleh anak-anak seperti belajar agama, belajar bersosial, belajar berkomunikasi dan sebagai. Ini memerlukan kepada keterlibatan semua pihak dalam menyantuni kanak-kanak apabila berada di masjid. Ibu bapa atau penjaga yang membawa anak-anak ke masjid adalah suatu yang perlu dipuji, namun ianya tidak perlu dibiarkan begitu sahaja, ianya perlu didik dan diajar supaya menghormati tempat yang mulia, diajar bergaul dan bercakap dengan sopan santun. Anak-anak hendaklah dilatih bercakap benar, sopan santun dan mengucapkan perkataan yang baik-baik.

Kepada pihak pengurusan masjid, anggaplah kehadiran kanak-kanak ke masjid adalah adalah satu rahmat. Kehadiran mereka haruslah disantuni dengan sebaiknya. Sifat kanak-kanak jika disantuni dengan baik, ianya melahirkan suasana yang aman dan tenang malah menyerikan lagi suasana di masjid tersebut. Jika terdapat kesalahan yang dilakukan, maka tegur dengan dengan sebaiknya. Jangan sesekali menghalau, mengherdik dan memarahi mereka kerana ianya memberi kesan negatif terhadap perkembangan mereka.

RUJUKAN

Buku

al-Quran

Al-Qaradawi, Y. (1999). *Pendidikan Islam dan Cabarannya*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

Ibn Hajar al-'Asqalani. (1959). *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari* (Vol. 1–13). Kaherah: Dar al-Ma'arif.

Kitab al-Bir wa al-Silah an Rasulillah saw, Bab Ma Ja'a Fi Rahmah al-Sibyan, jil. 7, 157, no. hadis 1844).

Jurnal

- Abdullah, R., & Ismail, N. (2018). Peranan Masjid dalam Pembangunan Sahsiah Kanak-Kanak: Satu Tinjauan. *Jurnal Pengajian Islam*, 15(2), 45-60.
- Ahmad, M. (2020). Kehadiran Kanak-Kanak di Masjid: Isu dan Cabaran. *Jurnal Pendidikan Islam*, 8(1), 22-35.
- Azhar Alias, Harlida Abdul Wahab, Yusramizza Md Isa @ Yusuff, & Ain Husna Mohd Arshad. (2018). Jaminan Perlindungan dan Kebajikan Kanak-Kanak dalam Kerangka Hak Asasi Kanak-Kanak: Amalan di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 3(10), 33-51.
- Hashim, A., & Salleh, Z. (2021). Komuniti Mesra Kanak-Kanak di Masjid: Analisis dari Perspektif Islam. *Jurnal Sosial dan Kemanusiaan Islam*, 5(3), 77-90.
- Ibrahim, S., Hassan, M., & Yunus, N. (2019). Children's Early Exposure to Mosques and Their Impact on Religious Identity. *Islamic Studies Journal*, 27(4), 112-130.
- Mohd Ridhuwan Remly, Muhd Najib Abdul Kadir, Fadlan Mohd Othman & Siti Azimah Sabaruddin. (2020). Prinsip Sosial dalam Pengimarahen Institusi Masjid: Kajian di Masjid Bertaraf Cemerlang. *Jurnal Hadhari*, 12(1), 1-15.
- Talib, N. A. F., & Mydin Kutty, F. (2022). Ikatan keibubapaan dan perapatan rakan sebaya terhadap kesejahteraan psikologi belia Felda Chini, Pahang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(2), 1-13.
- Zainuddin, M. Z., Ismail, S., Usman, A. H., Rasit, R. M., Aini, Z., Abd. Majid, M., Md. Ali, A. W., & Murghayah, S. K. M. H. (2024). Nilai Teladan Ibu Bapa dalam Pembentukan Anak-Anak Cinta Masjid. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 4(1), 26-41.

Prosiding

- Mukhlis Abu Bakar. (2021). *Menuju Ke Arah Pembelajaran Transformatif: Pengalaman Kanak-Kanak Islam Singapura*. 2nd International Conference on Education Research, Malaysia.
- Noorsaidah Zainudin, Nazurah Huda Che Parizan, Khazri Osman & Ahmad Irdha Mokhtar (2023). *Peranan Ibu Bapa dalam Menerapkan Manhaj Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Kalangan Anak-anak*. Seminar Pengukuhan Kefahaman Ahli Sunnah Wal Jamaah 2023, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Safinah Ismail et al. (2019). *Peranan Institusi Masjid ke Arah Mesra Kanak-Kanak: Masjid Al-Hasanah*. Prosiding Persidangan Antarabangsa Masjid, Zakat dan Wakaf (IMAF 2019), Universiti Islam Selangor (UIS).

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.